



Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

VoA 2021

Volume 17 Issue 2



COMMITTEE PAGE

Advisory Board

Professor Dr. Mohamad Abdullah Hemdi
Campus Rector

Associate Professor Ts. Dr. Azhari Md Hashim
Deputy Rector; Research and Industrial Linkages Department

Chief Editor

Dr Junaida Ismail
Faculty of Administrative & Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

Editorial Team

Aishah Musa,
Academy of Language Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Etty Harniza Harun,
Faculty of Business Management,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Mohd Nazir Rabun
Faculty of Administrative Science and Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Syahrini Shawalludin
Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Suhaida Abu Bakar
Academy Contemporary of Islamic Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Khairul Wanis Ahmad
Facility Management & ICT Division,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Editorial Board

Professor Dr Diana Kopeva,
University of National and World Economy,
Sofia, Bulgaria

Professor Dr Kiymet Tunca Caliyurt,
Faculty of Accountancy,
Trakya University, Edirne, Turkey

Prof Sivamurugan Pandian,
School of Social Science,
Universiti Sains Malaysia

Dr. Simon Jackson
Faculty of Health, Arts and Design,
Swinburne University of Technology Melbourne, AUST

Professor Dr M. Nauman Farooqi,
Faculty of Business & Social Sciences,
Mount Allison University, New Brunswick, Canada

Prof Madya Dr Wan Adibah Wan Ismail
Faculty of Accountancy,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Dr Azlyn Ahmad Zawawi,
Faculty of Administrative Sciences & Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Dr Azzyati Anuar
Faculty of Business Management,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Dr Neesa Ameera Mohammed Salim
Faculty of Art & Design,
Universiti Teknologi MARA, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia

Dr Muhamad Khairul Anuar Zulkepli
Academy of Language Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Dr Mohd Nasir Ayub
Academy Contemporary of Islamic Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Content Reviewer

Associate Professor Dr Zalinda Othman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Associate Professor Dr Fadzilah Azni Ahmad
Universiti Sains Malaysia

Associate Professor Dr Mahadir Ladisma @ Awis
Universiti Teknologi MARA

Associate Professor Dr Noor Zahirah Mohd Sidek
Universiti Teknologi MARA

Associate Professor Dr Roziya Abu
Universiti Teknologi MARA

Associate Professor Dr Wan Adibah Wan Ismail
Universiti Teknologi MARA

Dr Ainul Azmin Md Zamin
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Dr Azlyn Ahmad Zawawi
Universiti Teknologi MARA

Dr Azyyati Anuar
Universiti Teknologi MARA

Dr. Dahlia Ibrahim
Universiti Teknologi MARA

Dr Mahadzir Ismail
Universiti Teknologi MARA

Dr Mohd Nasir Ayob
Universiti Teknologi MARA

Dr Muhamad Khairul Anuar Zulkepli
Universiti Teknologi MARA

Dr Noorhaslinda Abd Rahman
Universiti Sains Malaysia

Dr Norhidayah Ali
Universiti Teknologi MARA

Dr Nur Zafifa Kamarunzaman
Universiti Teknologi MARA

Dr Radzliyana Radzuan, AIA
Universiti Teknologi MARA

Dr Siti Zuliha Razali
Universiti Sains Malaysia

Language Reviewer

Dr Wan Irham Ishak
Universiti Teknologi MARA

Aishah Musa
Universiti Teknologi MARA

Azlan Abdul Rahman
Universiti Teknologi MARA

Bawani Selvaraj
Universiti Teknologi MARA

Ho Chui Chui
Universiti Teknologi MARA

Juwairiah Osman
Universiti Malaysia Pahang

Nor Aslah Adzmi
Universiti Teknologi MARA

Robekkah Harun
Universiti Teknologi MARA

Samsiah Bidin
Universiti Teknologi MARA

Sharina Saad
Universiti Teknologi MARA

Shafinah Mohd Salleh
Universiti Teknologi MARA

Allahyarhamah Zetty Harisha Harun
Universiti Teknologi MARA

e-ISSN: 2682-7840



Copyright © 2021 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

TABLE of CONTENTS

THE LUXURY VALUE PERCEPTION: MALAYSIAN EMOTIONAL INTELLIGENCE TOWARDS PURCHASE INTENTION Arunnaa a/p Sivapathy*, Safwan Marwin Abdul Murad ²	1 - 10
THE IMPACT OF HALAL BRAND PERSONALITY AND ONLINE BRAND TRUST ON THE ONLINE HALAL FOOD PURCHASE INTENTION: A CONCEPTUAL PAPER Musdiana Mohamad Salleh*, Etty Harniza Harun ²	11 - 24
TAFSIR TEMATIK: ISTILAH AL-FULK DALAM AL-QURAN Siti Aisyah Yusof*, Noor Syahidah Mohamad Akhir ² , Muhammad Saiful Islami Mohd Taher ³ , Azrul Shahimy Mohd Yusof ⁴	25 - 35
AIR MALAYSIA POLLUTION INDEX GENERATION BY USING FUZZY LOGIC AIR QUALITY INDEX (FLAQI) SYSTEM Mohd Fazril Izhar Mohd Idris*, Siti Asma Mohamad Tohir ² , Khairu Azlan Abd Aziz ³	38 - 49
STRESSORS AND ACADEMIC PERFORMANCE AMONG PART-TIME STUDENTS IN A PUBLIC UNIVERSITY IN MALAYSIA Siti Rapidah Omar Ali ¹ , Nurulain Ajit ² , Nur Shafini Mohd Said ³ , Khalid Amin Mat ⁴ , Nasiha Abdullah ⁵	50 - 61
KEPENTINGAN DAN SARANAN MENUNTUT ILMU MENURUT ISLAM BERDASARKAN DALIL AL-QURAN DAN AS-SUNNAH Aemy Aziz, Muhammad Anas Ibrahim ² , Muhammad Saiful Islam Ismail ³ , Syaimak Ismail ⁴	62 - 71
PREFERENCE TO PURCHASE ENTRANCE TICKETS ONLINE: A CASE STUDY OF ESCAPE PARK, PENANG Khor Poy Hua*, Nur Dinie Mustaqim Abdul Wahab ² , Lim Khong Chiu ³	72 - 89
MODELLING PUBLIC PERCEPTION OF ROHINGYA REFUGEES USING STRUCTURAL EQUATION MODELLING (PLS) IN MALAYSIA Mohd Ramli Mohd Arshad*, Mohd Na'eim Ajis ² , Aizat Khairi ³	90 - 102
THE INFLUENCE OF SOCIALIZATION ON EMPLOYEES' ASSIMILATION TACTICS IN MALAYSIAN MNC ORGANIZATIONS Kardina Kamaruddin*, Noor Malinjasari Ali ² , Nurul Nadzirah Azizan ³	103 - 131
INTELLECTUAL CAPITAL EFFICIENCY OF LISTED SMEs IN MALAYSIA Hapsah S.Mohammad*	132 - 139
THE IMPACT OF JOB STRESS ON JOB SATISFACTION AMONG ACADEMICS OF PUBLIC UNIVERSITY IN SELANGOR Nur Shafini Mohd Said*, Nurfarhana Ilyia Mazelan ² , Siti Rapidah Omar Ali ³ , Khalid Amin Mat ⁴ , Nasiha Abdullah ⁵	140 - 146
CONTRIBUTING FACTORS ON CUSTOMER RETENTION FOR SUSTAINABILITY OF MALAYSIAN COMMERCIAL BANKS Chim Weng Kong*, Maria Abdul Rahman ²	147 - 157

DETECTION OF THE CORNER POINTS FROM A MAP Siti Sarah Raseli [*] , Norpah Mahat ² , Afina Amirhussain ³	158 - 163
INDUSTRIAL REVOLUTION 4.0 & ACADEMIC LIBRARIANS: WHERE ARE WE NOW? Asmadi Mohammed Ghazali [*] , Abd Latif Abdul Rahman ² , Nor Hidayah Othman ³	164 - 176
EDUCATIONAL CARD GAME FOR CHINESE CHARACTER LEARNING Ting Hie Ling [*] , Lam Kai Chee ²	177 - 185
THE RELATIONSHIP BETWEEN E-TRAINING, MOTIVATION AND JOB PERFORMANCE DURING MOVEMENT CONTROL ORDER Nur Atiqah Adnan [*] , Shaiful Annuar Khalid ²	186 - 198
PENJANAAN HASIL WAKAF MENERUSI KAEADAH IJARAH DALAM KELESTARIAN SEKOLAH TAHFIZ SWASTA DI MALAYSIA Noor Syahidah Mohamad Akhir [*] , Azrul Shahimy Mohd Yusof ² , Sakinatul Raadiyah Abdullah ³ , Asmadi Mohammed Ghazali ⁴ , Rohayati Hussin ⁵	199 - 209
THE RELATIONSHIP OF CAPITAL STRUCTURE TOWARDS FIRM'S PERFORMANCE: FOCUSING ON THE TECHNOLOGICAL SECTOR Zuraiddah Ahmad ^{1*} , Nur Liyana Mohamed Yousop ² , Nur 'Asyiqin Ramdhan ³ , Zuraidah Sipon ⁴ , Ruziah A. Latif ⁵ , Suzana Hassan ⁶ , Norhasniza Mohd Hasan Abdullah ⁷ , Ummi Mariah Ismail ⁸	210 - 224
THE MALAYSIAN YOUTH ACCEPTANCE LEVEL ON PLASTIC BAG CAMPAIGN THROUGH THE SOCIAL MEDIA ADVERTISING Noorita bt Mohammad [*] , Nur Ainiey Aida binti Abdul Ghani ² , Che Ros Alia Che Abdul Ghani ³ , Miza Afifah Mazlan ⁴ , Muhammad Adib Mohammad Bakri ⁵ , Izzul Areef Mohammad Khairi ⁶	225 - 238
MALAYSIAN PRONUNCIATION: IS IT WRONG TO SOUND MALAYSIAN? Nor Asni Syahriza Abu Hassan [*] , Wan Nurul Fatihah Wan Ismail ² , Nurul Nadwa Ahmad Zaidi ³ , Nurul Hijah Hasman ⁴	239 - 252

TAFSIR TEMATIK: ISTILAH AL-FULK DALAM AL-QURAN

**Siti Aisyah Yusof^{*}, Noor Syahidah Mohamad Akhir²,
Muhammad Saiful Islami Mohd Taher³, Azrul Shahimy Mohd Yusof⁴**

^{*1,2,3,4} *Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Akademi Pengajian Bahasa (APB), Universiti Teknologi MARA, Kedah*

ARTICLE INFO

Article history:

Received Jan 2021

Accepted April 2021

Published June 2021

Keywords:

Al-Fulk, Al-Quran, Tafsir Tematik
Thematic Interpretation,

Corresponding Author:

aisyah421@kedah.uitm.edu.my

ABSTRACT

This article discusses the terminology 'vessel' or al-Fulk in on the Quran. Al-Fulk is one of the terminologies mentioned in the Qur'an for marine vehicles for human use in various functions, aside from the term al-Safinah and al-Jawar. This writing focuses only on the term al-Fulk because it is mentioned more frequently in the Qur'an than al-Safinah and al-Jawar. This study is a qualitative study by means of content analysis in a thematic interpretation or tafsir mawdu'i by reference to authoritative sources of the Quran, especially the books of tafsir (interpretation) and the opinion of the scholars in explaining the term al-Fulk. The findings of this study show that the term al-Fulk refers to the vessels used to accommodate humans, animals and goods. The term al-Fulk also symbolizes the power of Allah SWT, the call to thank Him, and as a mean of transport for seeking livelihood.

Artikel ini membincangkan istilah al-Fulk yang bermaksud kapal, di dalam al-Quran. Al-Fulk ialah salah satu istilah yang disebut dalam al-Quran sebagai kenderaan laut untuk kegunaan manusia yang mempunyai pelbagai pelbagai fungsi, di samping istilah al-Safinah dan al-Jawar. Penulisan ini hanya memfokuskan kepada istilah al-Fulk kerana perkataan ini disebut lebih kerap dalam al-Quran berbanding al-Safinah dan al-Jawar. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis) secara tafsir tematik atau tafsir mawdu'i dengan merujuk kepada sumber-sumber berautoriti daripada al-Quran khususnya kitab-kitab tafsir serta pendapat ulama dalam menjelaskan istilah al-Fulk. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa istilah al-Fulk memberi makna kapal yang digunakan untuk memuatkan muatan manusia, haiwan dan juga barang. Istilah al-Fulk

juga menunjukkan lambang kekuasaan Allah SWT, seruan untuk bersyukur kepada-Nya dan sebagai alat pengangkutan untuk mencari rezeki.

©2021 UiTM Kedah. All rights reserved.

1. Pendahuluan

Al-Quran ialah panduan kepada umat Islam untuk membimbing kehidupan mereka selari dengan tuntutan Islam. Setiap mesej dalam al-Quran dapat memberikan pedoman kepada manusia untuk mencapai keredhaan Allah SWT. Kertas kerja ini cuba meneliti istilah kapal yang disebut dalam al-Quran bagi memahami maksudnya mengikut konteks ayat. Terdapat tiga istilah yang disebut dalam al-Quran yang merujuk kepada kapal iaitu *al-Fulk*, *al-Safinah* dan *al-Jawar*. Artikel ini hanya membincangkan istilah *al-Fulk* sahaja dengan meneliti maksudnya secara *tafsir mawdu'ī*.

2. Objektif Kajian

Artikel ini bertujuan untuk meneliti istilah kapal yang disebut dalam al-Quran secara pentafsiran tematik (*mawdu'ī*) dengan memfokuskan kepada istilah *al-Fulk*.

3. Metode Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dilakukan mengikut kaedah analisis kandungan (*content analysis*) iaitu menganalisis kandungan kitab *tafsir* berdasarkan sesuatu tema. Ia dilakukan dengan menentukan sesuatu subjek dalam pengkajian sebagai topik perbincangan utama. Istilah *al-Fulk* dipilih sebagai topik atau subjek perbincangan kajian ini. Kemudian, penulis menghimpun seluruh ayat al-Quran yang menyebut istilah tersebut dan dikumpul mengikut masa turunnya ayat berkaitan bagi mengkaji sebab *nuzul* (turun) ayat. Pengkajian sebab *nuzul* ayat adalah bertujuan untuk memahami maksud istilah yang menjadi subjek kajian dengan melihat kepada konteks perbincangan ayat. Metode pengumpulan data yang digunakan adalah dengan merujuk bahan-bahan sumber primer untuk dianalisis. Ia berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah deduktif, iaitu menganalisis pernyataan bersifat umum, dan kemudian membuat pernyataan yang bersifat khusus.

4. Tafsir Tematik dan Sejarah Perkembangan

4.1 Tafsir Tematik dan bentuk-bentuk

Tafsir tematik dalam bahasa Arab disebut sebagai *tafsir mawdu'ī*. ia terdiri daripada dua perkataan, iaitu *tafsir* dan *mawdu'ī* (Mohd Shukri Hanapi, 2011). Mohd Shukri Hanapi (2011) menukilkan makna *tafsir* yang berasal daripada kata dasar *fasr* daripada *al-Sabbuniyy*, *al-Alma'iy*, *al-Zarqaniyy*, *al-Zarkasyiy*, *al-Dhahabiyy*, *al-Qattan* dan *al-'Akk* dengan makna *idoh* (menjelaskan), *ibanah* (menerangkan), *kasyf* (membuktakan) dan *izhar* (menyatakan). Manakala Ibn Manzur dan al-Fayruz 'Abadiy menyatakan perkataan *fasr* bermaksud mendedahkan sesuatu yang tersembunyi dan sukar difahami (Mohd Shukri Hanapi, 2011).

Perkataan *mawdu'ī* pula merupakan *isim maf'ul* dari *fi'l madhi wadha'a* yang bererti meletakkan, menjadikan, mendustakan dan mengada-adakan. Namun demikian, ia tidak

dimaksudkan begitu jika digandingkan dengan perkataan tafsir. Tetapi makna *mawdhu'i* yang dimaksudkan di sini ialah sesuatu yang dibincangkan secara judul atau topik atau sektor. Oleh itu, *tafsir mawdhu'i* memberi erti menjelaskan ayat-ayat al-Quran berdasarkan satu judul atau topik tertentu. Ia bukanlah bermaksud sesuatu yang didustakan atau diada-adakan (Enjen Zaenal Mutaqin dan Adi Nugraha, 2012).

Muslim dalam Mohd Shukri Hanapi (2011) mendefinisikan *tafsir mawdhu'i* sebagai ilmu yang mengkaji sesuatu isu atau masalah berdasarkan *maqasid* (tujuan-tujuan) al-Quran. Ia dilakukan sama ada dengan mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan sesuatu isu berdasarkan sesebuah surah atau daripada pelbagai surah. Selain itu, Muslim juga memberi makna *tafsir al-mawdhu'i* dengan pengertian yang lain, iaitu mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan sesuatu tema dan kemudian mentafsirkannya mengikut *maqasid al-Quran*. Manakala, Sa'id pula mendefinisikan *tafsir mawdhu'i* sebagai ilmu yang mengkaji tentang sesuatu isu atau masalah berdasarkan al-Quran (Mohd Shukri Hanapi, 2011).

Tafsir mawdhu'i terbahagi kepada dua kelompok (Mohd Shukri Hanapi, 2011), iaitu:

- (1) Kelompok ulama' tafsir yang pertama: al-Farmawiy, al-Ghazaly, Sabtan dan M. Quraish Shihab. Kelompok ini menyatakan *tafsir mawdhu'i* terbahagi kepada dua bentuk.

- a) **Bentuk pertama:** berdasarkan objektif atau tema sesebuah surah

Mengkaji keseluruhan isi kandungan sesebuah surah dan kemudiannya menjelaskan objektif atau tema utama yang dibincangkan di dalamnya. Hubungan antara ayat dengan ayat yang lain dan antara satu pernyataan masalah dengan masalah yang lain turut dijelaskan sehingga bentuk sesebuah surah tersebut mirip seperti bentuk yang sempurna dan saling melengkapai.

- b) **Bentuk kedua:** berdasarkan sesuatu tema atau tajuk

Mengkaji seluruh ayat al-Quran yang mempunyai tema atau tajuk yang sama. Ia dilakukan dengan cara menghimpun dan menyusun ayat-ayat al-Quran yang mempunyai tema atau topik yang sama, kemudian membuat huraian dan kesimpulan berdasarkan tema yang ditetapkan.

- (2) Kelompok ulama' tafsir kedua, seperti Muslim, al-Khalidiy dan Zulkifli membahagikan *tafsir mawdhu'i* kepada tiga bentuk

Selain dua bentuk *tafsir mawdhu'i* yang dikemukakan oleh al-Farmawiy, al-Ghazaliy, Sabtan dan M. Quraish Shihab, masih ada satu lagi bentuk *tafsir mawdhu'i*, iaitu pentafsiran yang berdasarkan kepada istilah-istilah yang mempunyai persamaan. Dalam hal ini, seorang pentafsir akan menelusuri, mencari dan menghimpun perkataan-perkataan pada ayat-ayat al-Quran yang mempunyai persamaan, baik dari segi bentuk atau perkataan-perkataan yang menjadi terbitan daripada ayat-ayat yang sama dalam satu tajuk. Kemudiannya, perkataan tersebut akan dikaji satu persatu dari pelbagai aspek sehingga dapat dibuat pentafsiran dan kesimpulan.

4.2 Sejarah Perkembangan Tafsir Tematik

Pada dasarnya pentafsiran secara tematik atau *mawdhu'i* telah dimulakan oleh Rasulullah SAW sendiri ketika mentafsirkan ayat al-Quran dengan ayat al-Quran. Pentafsiran ini dikenali dengan nama *tafsir bil ma'thur* sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Farmawi dalam Enjen Zaenal Mutaqin dan Adi Nugraha (2012) bahawa semua pentafsiran ayat dengan ayat boleh dipandang sebagai *tafsir mawdhu'i* dalam bentuk awal.

Menurut Quraish Shihab dalam Enjen Zaenal Mutaqin dan Adi Nugraha (2012), tafsir tematik berdasarkan surah dilakukan pertama kali oleh seorang guru besar, iaitu Syaikh Mahmud Syaltut menerusi kitabnya yang berjudul *Tafsir al-Quran al-Azim* pada Januari 1960. Beliau ialah guru jurusan Tafsir dari Fakulti Usuluddin, Universiti Al-Azhar. Pentafsiran *mawdhu'i* berdasarkan tema atau subjek pula dilakukan pertama kali oleh Prof. Dr. Ahmad Sayyid al-Kumiyy. Beliau adalah seorang guru besar di institusi yang sama dengan Syeikh Mahmud Syaltut, dalam jurusan Tafsir dari Fakulti Usuluddin, Universiti Al-Azhar dan menjadi ketua jurusan tafsir sehingga tahun 1981. Tafsir model ini dikembangkan dan disempurnakan secara lebih sistematik oleh Prof. Dr. Abdul Hay al-Farmawi pada tahun 1977 dalam penulisannya yang berjudul *al-Bidayah fi al-Tafsir al-Mawdhu'i: Dirasah Manhajiyah Mawdu'iyyah*.

Namun begitu, jika merujuk pada catatan lain, kewujudan pentafsiran secara tematik jauh lebih awal dari apa yang dicatat oleh Quraish Shihab, baik tematik berdasarkan surah maupun berdasarkan subjek. Antara contoh penulisan tafsir tematik secara perbahasan surah demi surah yang paling awal ialah karya al-Zarkashi (745-794H) dalam kitabnya *al-Burhan* dan karya al-Suyuti (w. 911/1505) dalam kitab *al-Itqan*. Manakala, contoh penulisan tafsir tematik secara subjek atau tema ialah dari ulama' besar dari mazhab Hanbali iaitu Ibn Qayyim al-Jauziyyah (1292-1350H) yang berjudul *al-Bayan fi Aqsam al-Quran*, *Majaz al-Quran* oleh Abu Ubaid, *Mufradat al-Quran* oleh Raghib al-Isfahani dan *Asbab al-Nuzul* oleh Abu al-Hasan al-Wahidi al-Naysaburi (w. 468/1076) (Enjen Zaenal Mutaqin dan Adi Nugraha, 2012).

4.3 Pengertian Perkataan *Al-Fulk*, *al-Safinah* dan *al-Jawar*

Bagi memahami istilah *al-Fulk* dalam al-Quran, beberapa kamus dirujuk bagi meneliti maksud *al-Fulk* secara literal. Antara kamus yang dirujuk ialah *Mu'jam al-Arabi al-Asasi* (1989) oleh Ahmad al-Ayid, Ahmad Mukhtar Umar, al-Jailani bin al-Haj Yahya, Daud Abduh, Solah Jawad dan Nadim, kamus *Qamus Arabiy-Arabiyy* (2000), Kamus Idris al-Marbawi (1990) oleh Syeikh Haji Muhammad Idris Abdul Rauf Al-Marbawi, Kamus *al-Tullab: Arab-Melayu* (1994) oleh Husain Awang. (1994), kamus *Lisan al-Arab* (2003) oleh Ibn Manzur, dan Kamus *al-Munjid Fi al-Lughah wa al-'lam* (1986).

Ibn Manzur (2003) menyatakan *al-Fulk* dengan erti kapal, iaitu mempunyai pengertian yang sama dengan istilah *al-Safinah*. Istilah *al-Fulk* juga bermaksud kapal berdasarkan kamus *al-Mu'tamad* (2000) dan juga menurut Ahmad al-Ayid (et.al)(1989). Manakala dalam al-Marbawi (1990), *al-Fulk* diberi makna bahtera dan kapal serta jalan peredaran bulan bintang. Husain Awang (1994) dan kamus *al-Munjid* (1986) turut menyatakan makna *al-Fulk* sebagai kapal bahtera dalam keadaan kata nama untuk lelaki (*muzakkari*), kata nama untuk perempuan (*mu'annas*), kata nama tunggal (*mufrad*) dan kata nama untuk banyak (*jamak*). Ia juga disebut sebagai istilah jamak bagi istilah *al-Falak* dengan huruf *Fa* berbaris atas yang bererti tempat peredaran bintang-bintang.

Istilah *al-Safinah* dan *al-Jawar* yang disebut dalam al-Quran turut diteliti maknanya untuk melihat perbezaan dengan istilah *al-Fulk*. Menurut Osman (2006), istilah *al-Safinah* digunakan untuk menjelaskan angin yang bertiup, manakala istilah *al-Jawar* pula menceritakan kenderaan yang berada di kawasan yang berair dan dalam. Ibn Manzur (2003) menyatakan istilah *al-Safinah* sebagai sesuatu yang membawa pengangkutan manusia atau kelengkapan barang, iaitu berdasarkan kisah seorang hamba yang membawa Saidina Hasan dan Saidina Husain. Hamba tersebut digelar sebagai *Safinah*. Istilah *al-Jawar* dinyatakan oleh Ibn Manzur (2003) dalam kamusnya sebagai sesuatu yang merujuk kepada air dalam di mana ia adalah sebahagian atau separuh daripada bahtera Nabi Nuh AS.

5. Pengertian *Al-Fulk*, *al-Safinah* dan *al-Jawar* menurut beberapa ahli mufassirin

Beberapa kitab tafsir al-Quran dirujuk bagi memahami makna istilah *Al-Fulk*, *al-Safinah* dan *al-Jawar* berdasarkan pandangan ulama' tafsir. Antara kitab tafsir yang dirujuk ialah Sahih Tafsir Ibn Katsir (2008) oleh Al-Hafidz 'Imaduddin Abul Fida' Ismail bin 'Umar bin Katsir Al-Qurasyi Ad-Dimasyqi, kitab *Al-Jami'* Li Ahkam al-Quran (2007) oleh Imam Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari, kitab Tafsir al-Azhar (1982) oleh Haji Abdul Malik Abdulkarim Amrullah (Hamka), Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran (2002) oleh M.Quraish Shihab dan kitab Al-Quran dan Tafsirnya (2010) oleh Kementerian Agama Republik Indonesia.

Berdasarkan kitab tafsir yang ditulis oleh Imam al-Qurtubi (2007), istilah *al-Fulk* disebut oleh Allah bagi menceritakan mengenai kapal Nabi Nuh a.s. Istilah *al-Fulk* disebut sebagai perahu nabi Nuh a.s. oleh Ad-Dhahhak, Qatadah dan Ibn Zaid dalam kitab tafsir Ibn Katsir (2008). Manakala dalam kitab tafsir al-Azhar oleh Hamka (1982) menyebut istilah *al-Fulk* dengan makna kapal atau bahtera di laut. Kementerian Agama Republik Indonesia (2010) dalam kitab Al-Quran dan Tafsirnya menyebut kosa kata *al-Fulk* dengan makna kapal atau perahu, iaitu satu kalimah bagi menjelaskan suatu kenderaan yang digunakan di kawasan perairan seperti sungai, danau atau laut. Makna istilah *al-Fulk* secara terperinci akan dijelaskan dalam tajuk seterusnya.

Istilah *al-Safinah* pula ditafsirkan oleh Ibn Katsir (2008), Hamka (1982) dan kitab tafsir Kementerian Republik Indonesia (2010) sebagai kapal yang diselamatkan oleh Allah SWT dalam kisah Nabi Musa dan kisah Nabi Nuh a.s. Manakala istilah *al-Jawar* disebutkan dalam al-Quran sebagai kapal bagi menggambarkan keadaan fizikal kapal yang besar dan belayar di lautan seumpama gunung-ganang (Ibn Katsir, 2008; Hamka, 1982; Kementerian Republik Indonesia, 2010).

Berdasarkan semua pengertian istilah *al-Fulk*, *al-Safinah* dan *al-Jawar*, penulis mendapati terdapat persamaan makna di antara ketiga-tiganya, iaitu kenderaan air. Namun demikian, penggunaan ketiga-tiga istilah tersebut digunakan oleh Allah SWT dalam al-Quran untuk menjelaskan situasi yang berbeza mengikut fungsi kapal.

6. Kajian Tafsir Tematik Dalam Al-Quran Berdasarkan Perkataan *Al-Fulk*

6.1 Asbabun Nuzul (Sebab Penurunan Ayat)

Dalam proses pentafsiran al-Quran secara tematik, sebab diturunkan ayat (Asbabun Nuzul) sangat penting diketahui bagi memahami maksud ayat al-Quran. Daripada 19 surah yang merakamkan istilah *al-Fulk*, hanya satu surah sahaja yang dinyatakan sebab turun ayat, iaitu surah al-Baqarah ayat 164 (al-Suyuti, 2012).

Ibn Abu Hatim dan Ibn Mardawaih meriwayatkan dengan sanad yang baik dan bersambung daripada Saidina Ibn Abbas, beliau berkata:

"Ketika orang-orang Quraisy berkata kepada Nabi Muhammad SAW: "Mintalah kepada Allah untuk mengubah Bukit Safa dan Marwah menjadi emas supaya menjadi bekal kita dalam menghadapi musuh, maka Allah pun mewahyukan kepada Rasulullah SAW:

"Aku akan memberikan apa yang mereka minta. Tetapi jika mereka kafir selepas itu, maka Aku akan mengazabnya dengan azab yang belum pernah diturunkan kepada sesiapapun."

Namun Rasulullah SAW berkata: "Ya Allah, biarlah aku berdakwah kepada kaumku hari demi hari secara perlahan'.

Maka Allah pun menurunkan firman-Nya:

"Sesungguhnya pada penciptaan langit dan bumi... sampai firman-Nya ...sungguh (terdapat) tanda-tanda keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan". Bagaimana boleh mereka memintamu merubah bukit Safa menjadi emas, sedangkan mereka telah melihat bukti-bukti kebesaran Allah yang lebih besar.

Berdasarkan sebab turun ayat tersebut, jelas di sini Allah meminta hamba-Nya melihat bukti-bukti kebesaran-Nya, dan di antara bukti kebesarannya adalah kapal yang bergerak di lautan yang luas serta kurniaan di lautan untuk dimanfaatkan oleh manusia.

6.2 Perkataan *Al-Fulk*, *al-Safinah* dan *al-Jawar* Dalam Al-Quran

Istilah *al-Fulk* disebut sebanyak 24 kali dalam 19 surah yang berasingan oleh Allah SWT. Berbeza dengan istilah *al-Safinah* yang hanya disebut dalam 3 ayat sahaja iaitu dalam Surah al-Kahfi (ayat 71 dan 79) dan juga Surah al-Ankabut ayat 15. Istilah *al-Jawar* pula disebut dalam 2 ayat sahaja, iaitu dalam surah Asy-Syura ayat 32 dan surah Ar-Rahman ayat 24. Sebelum meneliti lebih lanjut istilah *al-Fulk* dalam al-Quran, istilah *al-Safinah* dan *al-Jawar* akan dirungkai terlebih dahulu untuk lebih memahami fungsi istilah *al-Fulk* yang disebut lebih kerap oleh Allah SWT berbanding istilah *al-Safinah* dan *al-Jawar*.

Menurut Ibn Katsir (2008), istilah *al-Safinah* disebut dalam al-Quran pada surah al-Kahfi ayat 71 dan 79 bagi menceritakan pengajaran daripada kisah Nabi Musa dan Saidina Khidir berkenaan kapal atau perahu yang diselamatkan dari seorang raja yang ingin merampas perahu tersebut. Raja berkenaan akan merampas kapal yang tidak rosak dari pemiliknya yang merupakan orang-orang miskin. Oleh yang demikian, Saidina Khidir telah membocorkan perahu tersebut agar tidak dirampas oleh raja.

Dalam surah al-Ankabut ayat 15 pula, istilah *al-Safinah* digunakan bagi menceritakan pengajaran dari kisah Nabi Nuh AS yang menaiki kapal atau bahtera dan diselamatkan oleh Allah SWT dari satu bencana banjir besar. Berdasarkan tiga ayat tersebut, penulis merumuskan bahawa istilah *al-Safinah* adalah sama makna dengan istilah *al-Fulk* iaitu kapal yang dinaiki oleh manusia, namun yang membezakan dengan istilah *al-Fulk* adalah *al-Safinah* merujuk kepada kapal atau perahu yang diselamatkan oleh Allah SWT dari sesuatu bahaya. Kedua-dua kisah yang menyebut istilah *al-safinah* (kapal yang diselamatkan) digandingkan oleh Allah SWT dengan watak orang soleh iaitu Nabi Nuh, Nabi Musa dan Saidina Khidir AS. Hamka (1982) dan Kementerian Agama Republik Indonesia (2010) turut mentafsirkan *al-Safinah* sebagai kapal yang diselamatkan Allah dalam kedua-dua kisah Nabi Nuh dan Nabi Musa AS.

Manakala, istilah *al-Jawar* dalam surah Asy-Syura ayat 32 menjelaskan bahawa kapal adalah antara tanda kekuasaan Allah berdasarkan gambaran kapal yang besar dan tinggi seperti gunung. Ayat 24 Surah Ar-Rahman juga menjelaskan kekuasaan Allah yang menguasai kapal yang belayar dengan fizikal kapal yang tinggi layarnya seperti gunung-ganang (Ibn Katsir, 2008). Hamka (1982) turut menyatakan *al-Jawar* dalam surah Asy-Syura ayat 32 sebagai kapal yang berada di tengah-tengah lautan, yang jika dilihat dari jauh kelihatan laksana bukit. Kementerian Agama Republik Indonesia (2010) juga menyebut kapal dengan istilah *al-Jawar* untuk menjelaskan tanda kekuasaan Allah SWT yang berkuasa menundukkan laut hingga kapal boleh belayar di lautan laksana gunung besar atau kelihatan seperti suatu perkampungan di atas air.

Melalui pemerhatian penulis terhadap beberapa kitab tafsir, hanya dua ayat al-Quran sahaja yang menyebut mengenai keadaan fizikal kapal iaitu dengan menggunakan istilah *al-Jawar* bagi menggambarkan fizikal kapal yang besar seperti gunung-ganang.

Sebelum meneliti makna kapal yang menggunakan istilah *al-Fulk*, makna ayat-ayat al-Quran yang menyebut istilah *al-Fulk* dinyatakan di dalam Jadual berikut:

Jadual 1: Ayat-ayat al-Quran berkaitan *al-Fulk*. Sumber: Sheikh Abdullah b. Muhammad Basmeih (2000). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Cet. 16. Kuala Lumpur: Darul Fikr.

BIL.	SURAH	TERJEMAHAN AL-QURAN	AYAT
1.	Al-Baqarah	"...dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia..."	164
2.	Al-A`raf	"...lalu Kami selamatkan dia dan orang-orang yang besertanya dalam bahtera, dan Kami karamkan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami..."	64
3.	Yunus	"Dialah yang menjalankan kamu di darat dan di laut (dengan diberi kemudahan menggunakan pelbagai jenis kenderaan); sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera, dan bahtera itu pula bergerak laju membawa penumpang-penumpangnya dengan tiupan angin yang baik..."	22
		"Mereka tetap juga mendustakan nabi Nuh, lalu kami selamatkan dia bersama-sama pengikut-pengikutnya yang beriman di dalam bahtera ..."	73
4.	Hud	"dan buatlah bahtera dengan pengawasan serta kawalan Kami, dan dengan panduan wahyu Kami ..."	37
		"dan nabi Nuh pun membuat bahtera itu..."	38
		"...bawalah dalam bahtera itu dua dari tiap-tiap jenis haiwan (jantan dan betina) dan bawalah ahlimu kecuali orang yang telah ditetapkan hukuman azab atasnya (disebabkan kekufurannya), juga bawalah orang-orang yang beriman..."	40
5.	Ibrahim	"...dan ia memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintah-Nya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat dari-Nya)".	32
6.	An-Nahl	"...dan (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya, dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki daripada	14

		limpah kurnia-Nya; dan supaya kamu bersyukur".	
7.	Al-Isra'	"Tuhan kamu lah yang menjalankan untuk kamu kapal-kapal di laut, supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya..."	66
8.	Al-Haj	"...dan (demikian juga) kapal-kapal yang belayar di laut dengan perintah-Nya..."	65
9.	Al-Mu'minun	"dan di atas binatang-binatang ternak itu, serta di atas kapal-kapal kamu diangkut". "Lalu Kami wahyukan kepadanya: "Buatlah bahtera dengan pengawasan serta kawalan Kami. Maka masukkanlah ke dalam bahtera itu dua dari tiap-tiap jenis haiwan (jantan dan betina), dan bawalah ahlimu (dan pengikut-pengikutmu) ..." "Kemudian apabila engkau dan orang-orang yang beserta dengannya telah berada di atas bahtera itu, maka hendaklah engkau (bersyukur kepada Allah) ..."	22 27 28
10.	Asy-Syu'a'ra'	"Maka Kami selamatkan dia dan orang-orang yang bersama-sama dengannya dalam bahtera yang penuh sarat (dengan berbagai-bagai makhluk)"	119
11.	Al-'Ankabut	"Dalam pada itu, apabila mereka naik bahtera (lalu menemui sesuatu bahaya di laut), mereka memohon pertolongan kepada Allah dengan doa yang tulus ikhlas kepadaNya. Kemudian setelah Allah menyelamatkan mereka ke darat, mereka melakukan syirik kepada-Nya"	65
12.	Ar-Rum	"...supaya kapal-kapal belayar laju dengan perintah-Nya, dan juga supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya; dan seterusnya supaya kamu bersyukur"	46
13.	Luqman	"Tidakkah engkau memerhatikan bahawasanya kapal-kapal belayar di laut dengan nikmat kurnia Allah, untuk memperlihatkan kepada kamu sebahagian dari tanda-tanda kemurahan-Nya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan dan bukti (untuk berfikir) bagi tiap-tiap (mukmin) yang tetap teguh pendiriannya, lagi sentiasa bersyukur"	31
14.	Fathir	"... (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal membelah air belayar padanya; (diadakan semuanya itu) supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia Allah, dan supaya kamu bersyukur"	12
15.	Yasin	"dan satu dalil lagi untuk mereka (insaf) ialah Kami membawa belayar jenis keluarga mereka dalam bahtera yang penuh sarat"	41
16.	As-Saffat	"(ingatkanlah peristiwa) tatkala ia melarikan diri ke kapal yang penuh sarat"	140
17.	Al-Mukmin / Ghafir	"...serta di atas kapal-kapal, kamu diangkut"	80
18.	Az-Zukhruf	"...dan ia mengadakan bagi kamu kapal-kapal dan binatang ternak yang kamu dapat mengenderainya"	12
19.	Al-Jathiyyah	"...supaya kapal-kapal belayar padanya dengan perintah-Nya, dan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya, dan supaya kamu bersyukur"	12

7. Dapatkan Kajian

Berdasarkan analisis penulis terhadap pentafsiran ayat-ayat yang berkenaan daripada beberapa buah kitab tafsir, istilah *al-Fulk* diguna pakai lebih banyak dalam al-Quran oleh Allah SWT bagi menjelaskan lebih banyak makna dan fungsi berbanding istilah *al-Safinah* dan *al-Jawar*.

Istilah *al-Fulk* digunakan dalam al-Quran bagi menjelaskan empat perkara seperti berikut:

(a) Menjelaskan kebesaran dan kekuasaan Allah

Jadual 2: Kebesaran dan kekuasaan Allah. Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. (2007). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Hadith; Haji Abdul Malik Abdulkarim Amrullah (1982). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.; **Ibn Katsir, Al-Hafidz 'Imaduddin Abul Fida' Ismail bin 'Umar bin Katsir Al-Qurasyi Ad-Dimasyqi** (2008). *Shahih Tafsir Ibn Katsir*. Indonesia: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.; Kementerian Agama RI (2010). *Al-Quran dan Tafsirnya*. Jakarta: Lentera Abadi.

Surah	Ayat	Kebesaran dan Kekuasaan Allah
Yasin	41	Kapal yang belayar di tengah samudera merupakan salah satu bukti kebesaran dan kekuasaan-Nya.
Yunus	22	Allah berkuasa menggerakkan kapal untuk mencapai keinginan manusia dan bersenang dengannya.
Luqman	31	Kapal yang dapat meluncur dengan mudah dan tidak tenggelam adalah satu bukti kekuasaan dan kebesaran Allah.
Ibrahim	32	Allah menerangkan sebahagian nikmat yang telah dilimpahkan kepada manusia sebagai bukti dari keberadaan-Nya (Kementerian Agama RI, 2010). Bahtera yang terapung di atas arus air laut dan belayar di permukaannya adalah bukti kekuasaan Allah (Ibn Katsir, 2008).
Al-Rum	46	Kapal belayar dengan bantuan angin untuk menggerakkan kapal dengan perintah Allah (Hamka, Kementerian Agama RI, 2010).
Al-Haj	65	Bahtera belayar dengan perintah-Nya, iaitu dengan aturan dan kemudahannya di lautan luas dan getaran ombak, membawa barang dagangan, benda dan jasa (Ibn Katsir, 2008).

(b) Menjelaskan kapal sebagai alat pengangkutan yang membawa manusia dan barang.

Jadual 3: Kapal sebagai Alat Pengangkutan. Sumber: Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. (2007). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Hadith; Haji Abdul Malik Abdulkarim Amrullah (1982). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.; **Ibn Katsir, Al-Hafidz 'Imaduddin Abul Fida' Ismail bin 'Umar bin Katsir Al-Qurasyi Ad-Dimasyqi** (2008). *Shahih Tafsir Ibn Katsir*. Indonesia: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.; Kementerian Agama RI (2010). *Al-Quran dan Tafsirnya*. Jakarta: Lentera Abadi.

Surah	Ayat	Alat Pengangkutan

Fathir	12	Perahu berfungsi untuk membawa barang, penghubung antara manusia dan memajukan ekonomi (Hamka, 1982).
Al-Isra'	66	Antara nikmat Allah bagi manusia ialah Allah gerakkan kapal di lautan sebagai alat pengangkutan keperluan hidup.
Hud	38	Sebagai bahtera pengangkutan Nabi Nuh dan orang-orang yang beriman.
Al-Mukmin	80	Bahtera wahana perjalanan laut diguna untuk mendapatkan manfaat. Kapal sebagai kendaraan di lautan merupakan kurnia Allah kepada manusia.
Az-Zukhruf	12	Kapal kendaraan di laut untuk mengangkut manusia dan melancarkan hubungan.
Al-Jathiyah	12	Kapal dicipta hasil pemikiran manusia untuk memanfaatkan laut, digunakan untuk belayar dari sebuah negeri ke negeri yang lain, mengangkut manusia dan barang keperluan mereka.
Al-Nahl	14	Alat perhubungan/ pengangkutan yang penting yang telah ada di dunia sejak beribu-ribu tahun menghubungkan benua dengan benua, mengangkut manusia.
Ibrahim	32	Allah memudahkan kapal untuk menghubungkan manusia dari benua ke benua dan bertukar-tukar kepentingan. Semua belayar dengan perintah dan izin Allah.
Al-Mu`minun	22	Kapal sebagai kendaraan laut.
Ar-Rum	46	Kapal digunakan untuk manfaat dan mencari kurnia.
Al-Baqarah	164	Kapal digunakan untuk membawa manusia dan barang.
Al-Haj	65	Segala yang ada di bumi adalah untuk memudahkan manusia termasuklah kapal yang belayar di lautan sebagai tanda kasih dan sayang Allah kepada hamba-Nya.

(c) Kisah pengajaran kepada umat yang terkemudian

Jadual 4 : Kisah pengajaran. Sumber: Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. (2007). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Hadith; Hajji Abdul Malik Abdulkarim Amrullah (1982). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.; **Ibn Katsir, Al-Hafidz 'Imaduddin Abul Fida' Ismail bin 'Umar bin Katsir Al-Qurasyi Ad-Dimasyqi** (2008). Shahih Tafsir Ibn Katsir. Indonesia: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.; Kementerian Agama RI (2010). *Al-Quran dan Tafsirnya*. Jakarta: Lentera Abadi.

Surah	Ayat	Kisah
Al-A`raf	64	Kisah Nabi Nuh yang diselamatkan oleh Allah daripada banjir besar dengan menaiki kapal.
Yasin	41	Kisah kapal Nabi Nuh.
Yunus	73	Kisah Nabi Nuh menaiki kapal yang dibuat mengikut petunjuk (wahyu) Allah.
Al-Mu`minun	27	
Hud	37	Kisah Nabi Nuh dan perintah Allah untuk membuat kapal mengikut wahyu.
Hud	38	Kisah Nabi Nuh dan kapal untuk mengangkut orang yang beriman.
As-Saffat	140	Kisah Nabi Yunus yang menaiki kapal yang sarat.

Asy-Syu'a`ra'	119	Kisah kapal Nabi Nuh yang penuh dengan muatan.
Al-Mu`minun	28	Kisah Nabi Nuh yang menaiki kapal dan mengucapkan syukur kerana terselamat dari bencana banjir.
Al-'Ankabut	65	Kisah kaum musyrik. Gambaran manusia yang belayar di lautan apabila taufan muncul, maka timbul perasaan cemas dan takut. Maka pada waktu ini manusia akan ikhlas mengenal Allah, yang musyrik tidak musyrik lagi.

(d) Tuntutan supaya bersyukur dengan nikmat Allah

Jadual 5: Tuntutan Syukur. Sumber: Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. (2007). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Hadith; Haji Abdul Malik Abdulkarim Amrullah (1982). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.; **Ibn Katsir, Al-Hafidz 'Imaduddin Abul Fida' Ismail bin 'Umar bin Katsir Al-Qurasyi Ad-Dimasyqi** (2008). Shahih Tafsir Ibn Katsir. Indonesia: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.; Kementerian Agama RI (2010). *Al-Quran dan Tafsirnya*. Jakarta: Lentera Abadi.

Surah	Ayat	Tuntutan Syukur
Fathir	12	Kapal sebagai penghubung manusia dengan manusia dan Allah memberikan ilham kepada manusia dalam pembuatan kapal, oleh itu ilham tersebut seharusnya disyukuri oleh manusia.
Luqman	31	Syukur dengan nikmat-Nya.
Al-Jathiyah	12	Allah sediakan lautan luas untuk manusia belayar dengan kapal sebagai alat perhubungan dan berterima kasihlah kepada Allah di atas nikmat tersebut.
Al-Nahl	14	...dan bersyukurlah setelah apa yang diusahakan berhasil.
Al-Mu`minun	28	Kisah Nabi Nuh yang mengucapkan syukur kerana diselamatkan dari bencana banjir.
Ar-Rum	46	Banyak kurniaan Allah dari laut. Sepatutnya orang beriman bersyukur dengan kurniaan tersebut.

7.Kesimpulan

Berdasarkan penelitian terhadap *asbab al-nuzul* mengenai istilah *al-Fulk* dapat disimpulkan bahawa suatu istilah dalam al-Quran yang digunakan untuk menjelaskan bahawa kapal adalah salah satu anugerah Allah SWT kepada manusia sebagai tanda kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. *Al-Fulk* merupakan kenderaan air yang dikhususkan kepada manusia untuk mencari kurniaan Allah SWT di muka bumi bagi memajukan aspek ekonomi, berhubung sesama manusia dan sebagai alat pengangkutan. Ayat-ayat al-Quran juga menceritakan beberapa kisah para nabi terdahulu bersama umat mereka yang berkaitan dengan kapal (*al-Fulk*) sebagai pengajaran dan panduan kepada manusia.

Hasil penelitian terhadap istilah *al-Fulk*, *al-Safinah* dan *al-Jawar* di dalam al-Quran dengan menggunakan pendekatan *tafsir mawdu'i*, kita dapat mengetahui makna sesuatu istilah dengan lebih tepat. Penulis mendapati terdapat persamaan makna antara ketiga-tiga istilah tersebut yang merujuk kepada kenderaan di air. Namun demikian, menurut pandangan penulis, penggunaan ketiga-tiga istilah tersebut digunakan oleh Allah SWT dalam al-Quran untuk menjelaskan situasi yang berbeza mengikut fungsi kapal itu sendiri.

Penghargaan

Artikel ini adalah hasil daripada penyelidikan Geran Dana Kecemerlangan UiTM Cawangan Kedah [600-UiTMKDH (PJI.5/4/1) (1-2017) bertajuk "Model Kapal Dalam al-Quran Dan Naskhah-Naskhah Melayu". Terima kasih UiTM Cawangan Kedah kerana membiayai penyelidikan.


Rujukan

- Ahmad al-Ayid, Ahmad Mukhtar Umar, al-Jailani bin al-Haj Yahya, Daud Abduh, Solah Jawad dan Nadim. (1989). *Mu`jam al-Arabi al-Asasi*. Paris: Larus.
- Al-Mu`tamad. (2000). *Qamus Arabiy-Arabiyy*. Lebanon: Beirut. Dar al-Sader.
- Al-Marbawi, Syeikh Haji Muhammad Idris Abdul Rauf. (1990). *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Darul Fikir. Cet. 1.
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. (2007). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Amar Abdul Rahim, Mahmud Zuhdi Mohd Nor. "Kapal dan Pengertiannya: Satu Pengungkapan Mengikut Perspektif al-Quran". *Jurnal Undang-undang & Masyarakat*, 2011, h. 19-30.
- As-Suyuti, Al-Imam Al-Hafiz Al-Hujjah al-Qudwah Jalaluddin Abu Abdul Rahman. (2012). *Lubab an-Nuql Fi Asbab an-Nuzul*. Penterjemah Abu Athiyyah. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- Enjen Zaenal Mutaqin dan Adi Nugraha. (2012, 26 Oktober, Jumaat). *Tafsir Maudhu'i (Tematic)*. Dicapai pada 30 Mei 2018 dari tafsirhaditsuinsgdbgangkatan2009.blogspot.com/2012/10/tafsir-maudhui-tematik.html.
- Haji Abdul Malik Abdulkarim Amrullah. (1982). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Husain Awang. (1994). *Kamus al-Tullab: Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr, Cet. 1.
- Ibn Katsir, Al-Hafidz 'Imaduddin Abul Fida' Ismail bin 'Umar bin Katsir Al-Qurasyi Ad-Dimasyqi. (2008). *Shahih Tafsir Ibn Katsir*. Indonesia: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Ibn Manzur. (2003). *Lisan al-Arab*. Jilid 2, 4 dan 7. Kaherah: Darul Hadis.
- Kamus al-Munjid Fi al-Lughah wa al-a`lam. (1986). Beirut: Dar al-Masyriq.
- Kementerian Agama Republik Indonesia. (2010). *Al-Quran dan Tafsirnya*. Jakarta: Lentera Abadi.
- M. Quraish Shihab. (2002). *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*. Jakarta: Lentera Hati.
- Mohd Shukri Hanapi. (2011). *Pola Kajian Tafsir al-Mawdu'iy di Malaysia*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, Jilid 4 (Julai), h. 137-158.

Muhammad Fuad Abdul Baqi. (1996). *Al-Mu`jam al-Mufahros li Alfazi al-Quran al-Karim*. Kaherah: Darul Hadis. Cet. 1.

Osman Hj. Khalid et. al. (2006). *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sheikh Abdullah b. Muhammad Basmeih. (2000). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Cet. 16. Kuala Lumpur: Darul Fikr.



ISSN: : 1985-5079



Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani